

Metodologi Hadis Syiah: Analisis Kitab ‘560 Hadis dari 14 Manusia Suci’

[Shia Hadith Methodology: Analysis of the Book of '560 Hadith from 14 Holy Men']

Nur Aina Mardhiah Che Rahim¹, Nur Syuhada Mohd Subri² &
Nur Arina Aisyah Mohd Zeini³

¹ (Corresponding Author) Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, E-mail: n.ainamardhiah11@gmail.com

² Faculty of Islamic & Arabic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, E-mail: syuhadasubri91@gmail.com

³ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, E-mail: aisyahsnow95@gmail.com

ABSTRACT

Hadith is the second authoritative source in Islam after the Qur'an, yet its authenticity and purity depend on the discipline of sanad and matn as recognized by Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. This study examines the book "560 Hadiths from 14 Holy Figures" published by Yayasan Islam Al-Baqir, which functions as a medium for disseminating Shi'a thought through a popular hadith compilation. Takhrij analysis reveals that out of 560 hadiths, only two are classified as sahih, one as hasan, two as da'if, while the remaining majority are fabricated (mawdu'), despite being presented as authoritative religious references. These findings demonstrate an attempt to normalize Shi'a hadiths within the broader public sphere, particularly as the text is published in Indonesian, marketed commercially online, and does not explicitly disclose its sectarian identity. Such circumstances risk misleading Sunni readers who are unaware of the epistemological differences between the two traditions, especially the Shi'a concept of al-ma'sum—attributing infallible authority to figures other than the Prophet Muhammad (PBUH). This study underscores the necessity of critical screening of hadith literature and heightened awareness toward texts that subtly shape religious beliefs outside the recognized framework of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Keywords: *Shi'a; Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah; Hadith authentication (takhrij); the Fourteen Infallibles; Hadith transmission*

ABSTRAK

Hadis merupakan sumber autoritatif kedua selepas al-Quran dalam Islam, namun keabsahan dan kesuciannya bergantung kepada disiplin sanad dan matan yang diiktiraf oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kajian ini meneliti kitab “560 Hadis dari 14 Manusia Suci” terbitan Yayasan Islam Al-Baqir, yang menjadi medium penyebaran pemikiran Syiah melalui karya popular berbentuk himpunan hadis. Analisis takhrij menunjukkan bahawa daripada 560 hadis, hanya dua hadis dinilai sahih, satu hasan, dua daif, manakala selebihnya merupakan hadis maudhu’, meskipun dipersembahkan sebagai rujukan agama. Penemuan ini membuktikan wujudnya percubaan normalisasi hadis Syiah kepada masyarakat awam, khususnya apabila ia diterbitkan dalam bahasa Indonesia, dijual secara komersial dalam talian, serta tidak menunjukkan identiti mazhab secara jelas. Keadaan ini boleh mengelirukan pembaca Sunni

yang tidak mengetahui perbezaan epistemologi hadis antara kedua mazhab, terutama konsep “al-maksum” sebagai sumber periwayatan selain Nabi SAW. Kajian ini menegaskan keperluan penapisan ilmu hadis secara kritis serta kepekaan terhadap literatur yang berpotensi membentuk akidah secara halus melalui riwayat luar disiplin Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kata Kunci: Periwayatan Hadis, Syiah, Ahlu Sunnah wal Jamaah.

Kata Kunci: Syiah; Ahli Sunnah Wal Jamaah; Takhrij hadis; 14 manusia suci; Periwayatan hadis

How to Cite:

Received: 15-12-2025

Accepted: 21-12-2025

Published: 23-12-2025

Che Rahim, N. A. M., Mohd Subri, N. S., & Mohd Zeini, N. A. A. (2025). Metodologi hadis Syiah: Analisis kitab 560 hadis dari 14 manusia suci. *FURQANICA Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JFUQS)*, 1(1), 25–40

1. Pendahuluan

Dalam kita meniti arus marcapada ini, dunia semakin tercabar dengan pelbagai isu yang banyak menyentuh sensitiviti agama. Ia menjadi satu kewajipan kepada setiap muslim untuk merujuk kepada sumber dan panduan yang utama iaitu al-Quran dan hadis bagi setiap permasalahan dan isu yang timbul. Peranan hadis sangat penting dalam mentafsirkan keraguan, menjelaskan sesuatu hukum serta mengkhususkan perkara yang umum dalam Al-Quran dari sudut aqidah, ibadat, akhlak dan muamalat (Abullaith, 2011). Hal ini ditegaskan dalam al-Quran berdasarkan firman Allah S.W.T :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: Dan Kami turunkan kepadamu Al Quran, agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan. (An-Nahl: 16:44)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW ditugaskan untuk menyampaikan risalah dari Allah kepada ummat manusia. Penjelasan dari baginda Nabi SAW boleh didapati dalam hadis. Hal ini menunjukkan bahawa hadis merupakan tunjang dan asas penerangan kepada al-Quran. Ia adalah suatu disiplin ilmu yang sumbernya berautoriti iaitu melalui jalur daripada Nabi Muhammad (SAW).

Namun begitu, dalam suasana perbezaan ideologi, pegangan dan mazhab di kalangan umat Islam, terdapat satu golongan yang memiliki jalur dan kefahamannya tersendiri dalam dunia hadis, iaitu golongan Syiah. Mengikut kajian, kemasukan Syiah Imamiyah Ithna ‘Ashariyyah ke Malaysia mula tersebar menjelang tahun 80-an selepas berlaku Revolusi Iran 1979. Revolusi Iran 1979 memiliki pengaruh yang besar ke Asia Tenggara sehingga fahaman Syiah mula masuk serentak ke negara-negara Asia pada ketika itu. (Mas' od & Hamat, 2019).

Sejak timbulnya fahaman Syiah menjelang tahun 1980-an dan selepas tercetusnya Revolusi Iran pada tahun 1979 (Mas' od & Hamat, 2019). pelbagai ajaran dan riwayat hadis dicipta dan disandarkan kepada imam dua belas. Ajarannya semakin berani masuk ke dalam persepsi masyarakat melalui pelbagai saluran media cetak, elektronik mahupun media massa. Mereka memiliki jalur sanad dan sumber khusus dalam menerima assunnah yang mana ia berbeza sama sekali dengan jalan yang telah ditetapkan oleh Ahli Sunnah wal Jamaah (Salim & Ahmad ,2017). Perbezaan yang berlaku ini seiring dengan berbezanya pandangan mereka dengan Ahli Sunnah wal Jamaah dalam aspek akidah mahupun fiqh.

Perbezaan epistemologi hadis antara golongan Syiah dan Ahlu Sunnah wal Jamaah telah membawa kepada kefahaman yang berbeza terhadap periwayatan hadis. Ia boleh dilihat dengan perbezaan definisi hadis di antara kedua-duanya. Hadis di sisi Syiah ialah “ بما جاء عن

"المعصوم، من النبي، والامام" yang bermaksud 'sesuatu yg datang dari al-maksum, nabi dan imam'. Ia juga dikatakan lebih umum dari khabar (Assyahid Atthani: 1408). Sedangkan maksud hadis di sisi ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ialah "sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W samada perkataan, perbuatan, atau taqir (pengakuan), sifat fizikal, akhlak atau sirah, atau sesuatu yang disandarkan kepada sahabah dan tabiin"(Itr, 1979).

Adapun pengertian sanad menurut golongan Syiah ialah " طريق المتن وهو جملة من رواه " yang bermaksud jalan matan iaitu sekumpulan orang dari periwiyatan hadis. Manakala di sisi Ahlu Sunnah wal Jemaah, sanad ialah " رجال الحديث الذين رووه واحدا عن واحد إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم " yang bermaksud perawi hadis yang meriwayatkan hadis dari perawi yang lain sehingga bersambung kepada Nabi SAW (Itr, 1979, hal. 33).

Daripada kefahaman definisi ini, jelas menunjukkan kepada kita bahawa hadis dan sanad mengikut fahaman Syiah berpaksikan kepada imam dua belas mereka sahaja. Hal ini berbeza dengan Ahlu Sunnah wal Jemaah yang mana hadis dan sanadnya berpandukan kepada baginda nabi SAW. Perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa hadis dan syarat sanad di sisi Syiah adalah umum, manakala Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sangat menitikberatkan perkara asas ini yang mana ia memerlukan sandaran kepada baginda nabi SAW. Sesuatu perkara yang terlalu umum boleh membawa kepada pelbagai kefahaman yang berlainan. Jadual 1 di bawah menunjukkan perbezaan maksud hadis dan sanad di sisi golongan Syiah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Jadual 1: Perbezaan Definisi Hadis dan Sanad

	Syiah	Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah
Hadis	Sesuatu yg datang dari al-maksum, nabi dan imam	Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W samada perkataan, perbuatan, atau taqir (pengakuan), sifat fizikal, akhlak atau sirah, atau sesuatu yang disandarkan kepada sahabah dan tabiin.
Sanad	Jalan matan iaitu sekumpulan orang dari periwiyatan hadis	Perawi hadis yang meriwayatkan hadis dari perawi yang lain sehingga bersambung kepada Nabi SAW.

Melihat kepada perbezaan yang ketara ini, maka kajian ini akan meneliti secara khusus dalam riwayat hadis yang terpilih dari kitab "560 Hadith dari 14 Manusia Suci" terbitan Yayasan Islam Al-Baqir, Jawa Timur samada diterima atau ditolak.

Aqidah Syiah

Seterusnya, kajian akan diteruskan dengan mengulas tentan aqidah Syiah ini dari pelbagai sudut contohnya aqidah kepada Allah SWT, aqidah kepada Al-Quran, aqidah kepada imamah dan aqidah kepada nabi.

1) Aqidah pada Allah SWT

Syiah iktikad bahawa Allah SWT hanya satu yang berhak disembah, tidak ada sesuatu yang menyerupai-Nya. Dia Yang Pertama dan Akhir dan tidak disifatkan dengan sifat manusia. Sesiapa yang mentasybihkan Allah SWT dengan gambaran yang mempunyai wajah, tangan dan seumpamanya maka mereka adalah seperti kedudukan orang kafir yang tidak tahu hakikat penciptaan Pencipta yang semestinya bersih dari sifat kekurangan. Mereka juga iktikad untuk

mengesakan Allah SWT dalam ibadah, tidak mesyirikkan dengan sesuatu yang lain seperti dalam solat dan sebagainya. (Al-Muzhaffar, 1370H).

2) Aqidah kepada al-Quran al-Karim

Mereka iktikad bahawa al-Quran adalah wahyu Ilahi yang diturunkan oleh Allah SWT melalui lisan baginda nabi SAW. Ia merupakan mukjizat yang bersifat kekal yang mana membawa peranan dalam menerangkan setiap sesuatu, dan kandungannya tidak boleh ditukar dan diubah atau dipinda serta merupakan perlembagaan Islam yang perlu diikuti. Syiah juga mewajibkan penghormatan kepada kesucian al-Quran dan memuliakannya samada melalui perkataan mahupun perbuatan sebagaimana tidak mengotorkannya kalimah-kalimah dalamnya walau satu kalimah dengan maksud yang lain serta suci dari hadas kecil mahupun hadas besar (Al-Muzhaffar, 1370H).

Namun ada juga dakwaan mengatakan orang yang mendakwa telah mengumpulkan al-Quran dengan lengkap adalah pembohong yang besar. Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT hanya dikumpul dan disimpan oleh Ali bin Abi Talib dan imam-imam selepasnya (al-Kulaini, 1365). Ini kerana pada pandangan mereka, Saidina Ali dan para imam bersifat ismah dan diberi kuasa yang mutlak untuk memerintah.

3) Aqidah pada Imamah

Secara etimologi Imamah (الإمامة) membawa erti kepimpinan. Ia berasal dari perkataan ‘Amma’ (أُمّ) yang membawa beberapa makna. Antaranya ialah; menjadi ibu, menuju ke sesuatu tempat, menghendaki, mendahului dan mengetuai (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006).

Sepertimana kenabian yang merupakan dari Allah SWT, maka setiap zaman akan ada imam yang membawa tanggungjawab dan panduan dari nabi Muhammad SAW ke arah kemaslahatan dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Mereka iktikad bahawa institusi imamah adalah seumpama kenabian, tidak wujud kecuali dengan adanya nas dari Allah SWT melalui lisan para rasul atau lisan Imam yang disandarkan kepada nash (Al-Muzhaffar, 1370H). Ia mengambil dari firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'du:

إِنَّمَا أَنْتَ مُنذِرٌ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ

Terjemahan: Sesungguhnya kamu hanyalah seorang pemberi peringatan; dan bagi tiap-tiap kaum ada orang yang memberi petunjuk. (Surah al-Ra'd: 7).

Manakala dari sudut pengiktirafan, mereka memuliakan para imam sebagaimana mereka adalah hamba yang Allah letakkan pada darjat yang tinggi dari sudut ilmu, keberanian, taqwa, kemuliaan, sifat pemaaf dan akhlak-akhlak yang baik dan mulia. Mereka adalah tempat rujukan kepada perkara hukum-hakam dan pemberi penerangan kepada syariat agama. Muhammad Reda al-Muzhaffar berkata dalam hal ini: “Kita berikhtiqad bahawa Imamah merupakan bahagian daripada usuluddin, tidak sempurna iman seseorang tanpa iktiqad dengannya” (Al-Muzhaffar, 1370H).

Hal ini membawa maksud para imam Syiah memberi pengiktirafan yang tinggi kepada Imamah mereka bahawasanya yang layak memegang khalifah setelah wafatnya Nabi S.A.W adalah Saidina Ali bin Abi Thalib dan keturunannya. Mereka berpegang kepada prinsip bahawa yang dikatakan musyrik itu adalah yang beriman kepada Allah namun tidak beriman terhadap kepimpinan Ali dan para imam keturunannya. Ini disebabkan mereka percaya bahawa Allah yang menetapkan dan memilih para Imam, sehingga iman kepada para imam adalah satu keharusan (Bahrul Ulum dan Zainudin MZ, 2013).

Mereka mendakwa Nabi SAW memberi imamah kepada Hasan dan Husin, dan setelah itu Husin pula memberi peralihan kepimpinan kepada Ali Zainal Abidin sehingga kepada kepeimpinan yang terakhir (Al-Muzhaffar, 1370H).

((أما بعد، ألا أيها الناس، فإنما أنا بشر يوشك أن يأتي رسول ربي فأجيب، وأنا تارك فيكم ثقلين: أولهما: كتاب الله فيه الهدى والنور، فخذوا بكتاب الله واستمسكوا به، فحث على كتاب الله ورغب فيه))، ثم قال: ((وأهل بيتي، أذكركم الله في أهل بيتي، أذكركم الله في أهل بيتي، أذكركم الله في أهل بيتي)) رواه مسلم

Terjemahan: “Wahai manusia Sesungguhnya aku adalah manusia sudah hampir tiba utusan Tuhanku maka memenuhi permintaannya dan aku tinggalkan padamu dua perkara yang berharga. Pertamanya Kitab Allah di dalamnya ada petunjuk dan cahaya, maka ambillah kitab Allah dan berpegang teguh dengannya. Dia telah memberi galakan kepada kitab Allah dan menyukainya. Seterusnya Nabi bersabda: “Dan Ahli al-Baitku akan mengingatkan kau tentang Allah dalam mengingati Ahl al-Baitku”. [Al-Muslim, Sahih, *Kitab Fadhail As-Sahabah Radhiallahu Taala Anhum, Bab Min Fadhail Ali bin Abi Thalib Radhiallahuanhu*, no hadis:2408].

Namun begitu, dalam hal ini Imam mereka Ja’far As-Sadiq ada berkata: “Apa yang telah datang kepada kamu dari kami tentang perkara yang diharuskan pada makhluk yang kamu tidak mengetahuinya dan tidak memahaminya, maka jangan kamu mengingkarinya dan mengembalikannya kepada kami, manakala apa yang datang kepada kamu daripada kami yang tidak diharuskan pada makhluk, maka jauhkanlah dan jangan kembalikan kepada kami”.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian analisis kitab yang berkaitan dengan bidang hadis. Ia berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis dokumen dalam bentuk yang tidak dapat dinilai dengan angka. Ia berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memfokuskan terhadap sampel yang kecil dan pengutipan maklumat yang tidak banyak. Ia memfokuskan kajian takhrij hadis Syiah yang diambil dari kitab ‘560 Hadis dari 14 Manusia Suci’ dan merupakan subjek dan instrumen bagi kajian ini. Oleh kerana subjek dan instrumen kajian ini adalah kitab hadis, maka kajian ini melibatkan kajian kepustakaan.

3. Kajian Literatur

Pencarian dan ulasan dari kajian-kajian terdahulu sangat penting bagi memastikan kajian ini menjadi satu keperluan untuk dikaji serta berada pada landasan dan tujuan yang betul. Ia juga penting dalam memastikan keaslian kajian dibuktikan dengan jelas setelah proses analisis dilakukan terhadap kajian-kajian terdahulu. Kajian terdahulu yang menyoroti kajian periwayatan hadis ini dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:

i. Penulisan dalam kategori Syiah

Kajian yang bertajuk “*Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) dan Kritiknya Terhadap Akidah Syiah*” telah dikaji oleh Mohd Fuad bin Mokhtar di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur pada tahun 2016. Kajian yang dilakukan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah ini berbentuk kualitatif yang menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Dalam kajian ini, pengkaji telah menghuraikan dengan terperinci siapa Ihsan Ilahi Zahir dan menganalisis karya-karya utamanya tentang Syiah dari sudut aqidah ketuhanan dan kenabian. Ia merangkumi perincian tentang bagaimana kepercayaan para penganut Syiah kepada Al-Quran, al-Sunnah, al-Raj’ah, al-bada’, mengkafirkan sahabat, tanasukh, dan al-Imamah yang pada akhirnya pengkaji membawa dalil dan nas untuk memuktamadkan keraguan pada perkara-perkara yang disebut tadi. Hal ini bertepatan dengan kajian penulis yang akan mengkaji tentang

riwayat hadith Syiah, yang mana akan diperincikan biodata periwayatnya, maka isu aqidah Syiah perlu diterokai dengan lebih perhatian dan mendalam (Mokhtar, M. F. (2016)).

Seterusnya Jurnal 'Syiah: Sejarah Timbul dan Perkembangannya di Indonesia' yang dikupas oleh Moh. Hasim pada 2017. Jurnal ini mengupas tentang sejarah Syiah dari sudut asal usul kewujudannya dan perkembangannya di Indonesia. Jurnal yang ditulis oleh A.Halim Daud, Zarina Othman, dan Nor Azizan Idris, bertajuk 'Fahaman Syiah Dan Keharmonian Agama Islam Di Malaysia: Perspektif Pendekatan Keselamatan Negara'. Ia membentangkan tentang pendekatan sekuritisasi dalam konsep keselamatan negara dari sudut ucapan dan isu yang boleh menggugat ancaman keselamatan negara. Jurnal yang dihasilkan oleh Mohd Hamidi Ismail dan Mohd Fauzi Hamat pada 2016 yang bertajuk 'Pengisbatan al-Imamah Melalui al-Bada'menurut Syiah al-IthnaAshariyyah'. Ia membahaskan tentang al-bada', imamah, dari sudut kefahaman Syiah dan perbahasan dari Ahl Sunnah wa al-Jamaah.

Seterusnya Jurnal 'Pemikiran Skeptikal Syiah Terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Karya-Karya Syiah Melayu: Satu Kritikan' yang ditulis oleh Mohd Aizam Mas'od dan Mohd Fauzi Hamat dari Universiti Malaya pada tahun 2019. Jurnal ini membahaskan kritikan ilmiah terhadap hujjah-hujjah yang dikemukakan Syiah dalam karya-karya Melayu.

iii. Penulisan dalam kategori periwayatan hadis Syiah

Kajian yang bertajuk "*Analisis Hadith Syiah: Metodologi Kitab Usul Kafi karya Muhammad Bin Ya'qob Al-Kulaini*" yang dikaji oleh Winda Sari untuk pengajian Master Program Tafsir Hadis Sumatera Utara, Medan Indonesia pada tahun 2014. Kajian ini mengenai kitab Usul Kafi yang merupakan rujukan utama penganut fahaman Syiah. Ia membahaskan tentang isu Al-Quran dan imam. Menurut mereka, seorang imam itu mendapat wahyu sebagaimana para rasul dan nabi serta mengetahui hal-hal ghaib termasuklah waktu dan saat ia akan meninggal dunia. Menurut pengkaji, kebanyakan hadith yang ditulis adalah hadith mu'an'an dan al-Kulaini (1365) tidak menyebut seluruh sanad, malah sebahagian besar hadith adalah daripada perkataan imam Syiah bukan dari baginda Nabi Muhammad S.A.W. Dalam perbahasan ini, ada disebutkan juga tentang hadith-hadith yang meragui kredibiliti dan kesucian Al-Quran. Pendedahan inilah yang akan digunakan oleh penulis untuk meneruskan kajian takhrij hadith terhadap riwayat hadith Syiah yang terpilih mendasari jalan atau manhaj yang dipegang oleh al-Kulaini (1365) dalam pegangan kitab Usul Al-Kafi.

Seterusnya Jurnal 'Kriteria Keshahihan Hadis Perspektif Syiah' yang ditulis oleh Muhammad Nasir pada tahun 2014 adalah dari IAIN Sultan Amai Gorontalo. Ia membahaskan tentang kesahihan hadis dalam pandangan Syiah dari sudut sanad dan matan. Jurnal yang ditulis oleh Jurnal Ahmad dari Sekolah Pascasarjana UIN pada tahun 2017. Ia bertajuk 'Hadits Dan Ilmu Hadits Dalam Pandangan Syiah'. Ia membahaskan tentang sejarah Syiah, definisi hadis, syarat kritikan sanad dan matan serta pembahagian darjat hadis.

4. Perbincangan

Bab ini menumpukan tentang analisis kitab "560 Hadis Dari 14 Manusia Suci". Metodologi kitab ini dikaji dari beberapa sudut iaitu biodata penulis kitab, metodologi penulisan kitab, kitab-kitab yang dirujuk hadis padanya, keistimewaan dan kekurangan kitab, serta nilai kitab dan pengaruh terhadapnya. Sebelum pengkaji memberi penerangan dengan lebih lanjut, bab ini akan menernagkan maksud atau kefahaman di sebalik tajuk kitab ini.

4.1 Kefahaman judul kitab "560 Hadis Dari 14 Manusia Suci"

Mengikut kefahaman Syiah, 'Manusia Suci' ialah manusia yang telah disucikan oleh Allah SWT. Ini sepertimana disebut dalam firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Allah hanyalah berkehendak untuk membersihkan kotoran dari kalian Ahlul Bait, dan menyucikan kalian sesuci-sucinya (Al-Ahzab, 33:33)

Ayat ini bermaksud Allah menyucikan Rasulullah SAW dan ahlu baitnya dengan kehendak Allah. Perkataan إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ ini bermaksud pilihan ini tidak perlu bermusyawarah kepada manusia sebagaimana Allah SWT memilih para nabi dan rasulNya (Muhammad Taufiq,2012). Mereka dipilih oleh Allah SWT kerana mereka adalah orang yang terbaik pada zamannya dan tidak zalim. Hal ini boleh didapati dari firman Allah SWT:

وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ط قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾

Terjemahan: Dan (ingatlah), ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu imam bagi seluruh manusia". Ibrahim berkata: "(Dan saya mohon juga) dari keturunanku". Allah berfirman: "Janji-Ku (ini) tidak mengenai orang yang zalim" (2:124).

‘Manusia Suci’ juga disifatkan oleh mereka sebagaimana rasul dan nabi sebagai pemberi syafaat dan pertolongan akhirat nanti. Hal ini dikatakan boleh difahami melalui firman Allah SWT:

يَوْمَئِذٍ لَا تَنفَعُ الشَّفَعَةُ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَرَضِيَ لَهُ قَوْلًا ﴿١٠٩﴾

Terjemahan: Pada hari itu tidak berguna syafa'at, kecuali (syafa'at) orang yang Allah Maha Pemurah telah memberi izin kepadanya, dan Dia telah meridhai perkataannya (20:109).

4.2 Biodata Penulis Kitab

Kitab “560 Hadis dari 14 Manusia Suci” asalnya adalah karya Fatih Guyen yang mana sumber asli buku ini adalah dalam bahasa Turki. Kemudian pada tahun 1988, Republik Islam Iran menerbitkannya dengan menggunakan teks hadis berbahasa Arab. Setelah itu, naskah ini diterjemahkan dalam bahasa Indonesia oleh Hasyim Al-Habsyi dan diterbitkan oleh Yayasan Islam Al-Baqir Jawa Timur, Indonesia dalam cetakan pertama pada tahun 1995M.

Kitab ini mempunyai 419 halaman bercetak. Dalamnya terdapat periwayatan hadis dari 14 orang iaitu imam 12 Syiah dan ditambah dengan Rasulullah SAW dan Sayyidah Fatimah. Setiap imam mempunyai 40 hadis periwayatan, dan menjadikan jumlah keseluruhannya adalah 560 hadis. Setiap imam diberi biodata secara ringkas dan setiap teks hadis terdiri dari Bahasa Arab dan terjemahan dalam Bahasa Indonesia. Setiap hadis yang dipilih telah pun diberi tema atau perkara pokok perbincangan masing-masing.

4.3 Metodologi Penulisan Kitab

4.3.1.Cetakan

Kitab “560 Hadis dari 14 Manusia Suci” asalnya adalah karya Fatih Guyen yang mana sumber asli buku ini adalah dalam bahasa Turki. Kemudian pada tahun 1988, Republik Islam Iran menerbitkannya dengan menggunakan teks hadis berbahasa Arab. Setelah itu, naskah ini diterjemahkan dalam bahasa Indonesia oleh Hasyim Al-Habsyi dan diterbitkan oleh Yayasan Islam Al-Baqir Jawa Timur, Indonesia dalam cetakan pertama pada tahun 1995M.


4.3.2. Bentuk Penulisan dan Penyusunan Hadis

Sesebuah penulisan yang menarik amat penting untuk mevariasikan metod ilmu pengetahuan agar kefahaman itu sampai ke pembaca dengan sebaiknya. Dalam membincangkan mengenai bentuk penulisan yang digunakan dalam karya ini, beberapa aspek yang dianggap menonjol seperti format penulisan, penggunaan hadis yang disebut serta bahasa diberi perhatian dan penekanan yang lebih.

Jika dilihat dari segi format penulisan, kajian mendapati kitab ini ditulis secara bersistem. Setiap perjalanan penulisan hadis dari satu imam ke imam yang lain, ia menyenaraikan terlebih dahulu tema bagi setiap hadis. Kemudian, ia disusuli dengan penulisan hadis bernombor yang mana didatangkan matan hadis sahaja tanpa sanad. Pada setiap lafaz hadis, dipaparkan di hujungnya nama kitab yang diambil hadis tersebut. Keadaan ini boleh membantu para pembaca untuk merujuk hadis-hadis yang tertulis dalam kitab yang berkaitan. Setelah itu, di hujung pengumpulan hadis setiap imam, disertakan juga daftar kepustakaan yang mana disertakan nama kitab serta nombor helaian yang terlibat.


Sebelum memulakan penulisan hadis, setiap imam didatangkan biodatanya secara ringkas beserta riwayat hidup masing-masing. Ini boleh membantu para pembaca untuk mengenali imam tersebut dengan lebih dekat. Namun begitu, setiap maklumat tidak diletakkan padanya rujukan. Oleh hal demikian, maklumat yang diberikan tidak dapat dipastikan samada sahih atau tidak. Ia boleh dilihat melalui rajah berikut:

Gambar 1: Terjemahan Hidup Perawi Hadis



Dalam masa yang sama, kitab ini membantu para pembaca yang tidak tahu dan faham perkataan Arab. Hal ini disebabkan pengarang kitab membawa pembaca kepada terjemahan bahasa Indonesia yang lengkap bagi setiap hadis. Usaha ini dilihat sebagai satu usaha bersungguh-sungguh kumpulan Syiah untuk memberi dan membantu para Muslim membaca dan mengetahui hadis-hadis yang disebutkan oleh para imam mereka terutamanya di Indonesia dan Malaysia memandangkan dua buah negara ini berkongsi bahasa dan dialek yang lebih kurang sama. Kedudukan terjemahan yang diletakkan sebelah menyebelah juga menyenangkan para pembaca. Ia boleh dilihat melalui gambar berikut:

Gambar 2: Terjemahan Dalam Kitab Dari Bahasa Arab Ke Bahasa Indonesia




4.3.3. Tema Hadis

Ia merupakan satu kitab yang menghimpun pelbagai hadis dari pelbagai tema dari 14 orang imam Syiah iaitu sebagaimana imam 12 dan ditambah dengan Rasulullah SAW dan Sayyidah Fatimah. Setelah diteliti dengan baik, terdapat pelbagai tema yang berlegar dalam himpunnha hadis ini.

Kebanyakan hadis yang termuat adalah yang bertema aqidah, dan akhlak yang kebanyakannya menyentuh panduan harian seorang Muslim. Ada beberapa hadis yang sangat mirip dengan matan hadis yang diriwayatkan oleh *muhaddithin* Ahlu Sunnah wal Jemaah. Hal ini memberi satu cabaran dan galakan kepada penulis untuk lebih memperkenalkan dan mengetengahkan lagi kitab ini kepada masyarakat memandangkan hadis merupakan salah satu panduan hidup dalam kehidupan Muslim. Antara contoh tema boleh dilihat dari gambar berikut:

Gambar 3: Contoh Tema



4.4 *Senarai Nama Kitab yang terkandung dalam kitab “560 Hadis Dari 14 Manusia Suci”*


Dalam penelitian metodologi kitab ini, setiap hadis yang ditulis adalah dalam bahasa Arab dan diberi nama rujukan di bawahnya. Hal ini memudahkan para pembaca untuk terus merujuk hadis yang terdapat dalam kitab tersebut tanpa tercairi-cari di ruangan lain. Secara keseluruhannya, kitab ini menggunakan sebanyak 44 buah kitab rujukan untuk 560 hadis yang dikemukakan. Daripada jumlah itu, sebanyak empat (4) kitab sahaja adalah dari sumber rujukan Ahlu Sunnah wal Jemaah iaitu kitab *Jami' Al-Shaghir*, *Sunan Al-Tirmidzi*, *Musnad Ahmad* dan *Tafsir Al-Kasyaf*. Selebihnya adalah dari kitab-kitab rujukan Syiah iaitu sebanyak 40 kitab.

4.5 *Nilai Kitab dan Pengaruh Terhadapnya*

Kitab ini dilihat sebagai antara kitab panduan utama dalam pegangan Syiah. Hal ini disebabkan beberapa faktor yang akan dikongsikan oleh pengkaji sepertimana di bawah.

4.5.1. Tersenarai dalam aplikasi ‘Play Store’ di bawah pilihan ‘Pustaka Syiah’.
Ia boleh dilihat melalui kedudukan gambar di bawah:

Gambar 4: ‘Pustaka Syiah’ dalam aplikasi ‘Play Store’



Aplikasi ‘Play Store’ ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja dan di mana sahaja. Hanya perlu menaip apa yang dimahukan, seterusnya ia akan menyenaraikan apa aplikasi yang terlibat dan berkaitan. ‘Pustaka Syiah’ terletak dalam aplikasi tersebut. Setelah dimuat turun, ia akan membawa pengguna ke gambar berikut:

Gambar 5: Paparan di Muka Hadapan Aplikasi



Pada bahagian muka hadapan aplikasi, ia memaparkan pelbagai bahagian tema, dan termuat dalam tema tersebut kitab-kitab Syiah yang berkaitan dengannya. Umpamanya, untuk kitab '560 Hadis dari 14 Manusia Suci' ini, ia terkandung dalam bahagian 'HADIS'. Jika pengguna menekan bahagian 'HADIS' tersebut, ia akan membawa pengguna ke gambar seterusnya, iaitu:

Gambar 6: Paparan kitab '560 Hadis dari 14 Manusia Suci' dalam aplikasi 'Pustaka Syiah'



Setelah pengguna menekan pilihan ‘HADIS’, ia membawa pengguna ke muka surat sepertimana gambar di atas. Anak panah yang berwarna merah itu menunjukkan terletaknya kitab ‘560 Hadis dari 14 Manusia Suci’ ini. Untuk memilih dan membaca kitab tersebut, pengguna perlulah menekan gambar kitab tersebut. Setelah itu, ia akan membawa pengguna ke paparan seterusnya, iaitu:

Gambar 7: Paparan Muka Hadapan Kitab



Gambar di atas menunjukkan muak hadapan kitab tersebut yang termuat jika pengguna menekan gambar kitab ini tadi pada paparan skrin pengguna. Ia mempunyai tiga pilihan arahan untuk pengguna memilih tujuan masing-masing. Tiga pilihan tersebut ialah, membaca secara dalam talian, memberitahu kepada orang lain melalui pilihan akses yang pelbagai, serta boleh juga dimuat turun kitab tersebut dalam bentuk Format Dokumen Mudah Alih (PDF).


4.5.2. Kitab ini juga boleh didapati secara dalam talian melalui aplikasi ‘Shopee’.

Gambar 8: Paparan Kitab dalam Aplikasi ‘Shopee’



Selain kitab ini boleh didapati dari aplikasi 'Play Store', ia juga boleh dibeli melalui aplikasi 'Shopee'. Namun, setakat pencarian penulis, ia terdapat di aplikasi 'Shopee Indonesia' sahaja. Justeru, jika pembaca dari Malaysia, ia boleh dipesan melalui penjual (*seller*) yang menyediakan perkhidmatan barang-barang dari Indonesia. Melihat kepada kekuatan pengaruh kitab ini terhadap pembaca, ia boleh dilihat melalui gambar berikut, iaitu:

Gambar 9: Penilaian dari Pembeli



Gambar 10 menunjukkan penilaian pembeli terhadap kitab ini. Kebanyakannya memberi '5 Bintang' (5 Star) kepada penjual kitab ini. Berdasarkan peraturan dari aplikasi 'Shopee', 'Bintang' merupakan satu penilaian penting kepada pihak penjual kerana ia mempengaruhi kepercayaan pembeli kepada penjual dari sudut produk dan perkhidmatan. '5 Bintang' (5 Star) yang diberi oleh pembeli menandakan pembeli berpuas hati terhadap penjual dari sudut produk yang dijual dan perkhidmatan yang disediakan. Semakin tinggi 'bintang' yang diberikan, produk tersebut akan sentiasa dipaparkan dalam ruangan 'Produk Yang Berpengaruh' dan akan menjadi pilihan tertinggi bagi pembeli. Oleh hal demikian, ini bermaksud kitab ini sangat baik digunakan, bermanfaat dan perkhidmatan yang bagus diberikan oleh penjual.

Berdasarkan nilai pengaruh kitab ini terhadap masyarakat, iaitu dari sudut kewujudannya dalam aplikasi 'Play Store' dan 'Shopee', ia membawa maksud kitab ini boleh diakses dengan senang oleh pengguna secara dalam talian. Keadaan ini memberi cabaran besar kepada yang berpegang dengan teguh aliran Aqidah Ahlu Sunnah wal Jemaah dek mudahnya kitab ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja dan di mana sahaja dan boleh mempengaruhi kehidupan para pembaca. Apatah lagi jika pengguna tersebut tidak mengetahui uslub atau garis panduan dalam ilmu hadis dan selok belok kumpulan Syiah. Maka, kitab ini akan dianggap sebagai kitab penting dan boleh dijadikan panduan hidup.

Walaupun kitab ini hanya wujud di atas talian 'Shopee' di negara Indonesia, namun ia boleh diakses juga dari negara Malaysia sepertimana pengkaji telah lakukan. Melihat kepada pengaruh ini, lebih-lebih lagi negara Indonesia dan Malaysia hanya berjiran sahaja dan masih berada dalam ruang lingkup negara Asia, yang mana bahasanya hanya berbeza sedikit sahaja, maka pengkaji berasa terpanggil untuk menjalankan kajian lebih mendalam terhadap kitab ini seterusnya melebar sayap kepada masyarakat akan kefahaman yang tepat dalam panduan hidup.

4.6 Contoh hadis yang terdapat dalam kitab '560 Hadis dari 14 Manusia Suci'

Hadis 1

لا يلدغ المؤمن من جحر مرتين

Maksudnya: Seorang mukmin itu tidak akan terperosok dua kali dalam satu lubang yang sama.

Hadis ini menurut panduan dalam kitab '560 Hadis Dari 14 Manusia Suci', ia terletak dalam perawi Muhammad Rasulullah SAW dan diambil dari kitab Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Juzu' 2, muka surat 115. Dalam Musnad Ahmad Ibn Hanbal, ia didatangkan dengan dua (2) riwayat sanad berbeza sepertimana berikut:

Riwayat 1:

حدثنا الفضل بن دكين، حدثنا زمعة، عن ابن شهاب، عن سالم، عن ابن عمر، أن رسول الله صلى الله عليه

وسلم قال: ((لا يلدغ المؤمن من جحر مرتين))

[Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, Musnad Al-Mukassirin min As-Sahabah, Musnad Abdullah bin Umar radiallahuanhuma, no hadis: 5962].

Riwayat 2:

-حدثنا قتيبة: حدثنا الليث، عن عقيل، عن الزهري، عن ابن المسيب، عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي

صلى الله عليه وسلم أنه قال: ((لا يلدغ المؤمن من جحر واحد مرتين)).

[Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, Musnad Al-Mukassirin min As-Sahabah, Musnad Abu Hurairah Radhiallahuanhu, no hadis: 8928, j14/497]

Imam Ahmad memberi kedudukan hadis Ibnu Umar hadis *hasan lighairih* kerana sanadnya dhaif disebabkan perawi bernama Zum'ah adalah dhaif. Adapun hadis Abu Hurairah ia bertaraf sahih dalam syarat As-Shaikhain (Ahmad, 2001).

Dalam hal yang sama, hadis ini terdapat juga dalam Sahih Bukhari dan Muslim. Ia boleh dilihat melalui lafaz berikut:

حدثنا قتيبة: حدثنا الليث، عن عقيل، عن الزهري، عن ابن المسيب، عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال: ((لا يلدغ المؤمن من جحر واحد مرتين)).

[Riwayat Al-Bukhari, Kitab Al-Adab, Bab *La Yuldagh Al-Mu'min min Juhrin Marratain*, no hadis: 6133; Muslim, Kitab Az-Zuhd wa Ar-Raqaiq, Bab *La Yuldagh Al-Mu'min min Juhrin Marratain*, no hadis:2998].

Analisis Hadis

Hadis di atas sememangnya merupakan hadis sahih menurut neraca Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, kerana ia diriwayatkan dalam Musnad Ahmad, Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim melalui sanad Abu Hurairah. Namun, apabila hadis ini dipetik dalam karya berlatar Syiah seperti 560 Hadis Dari 14 Manusia Suci, penggunaannya tetap perlu diteliti secara kritis. Walaupun sumber asalnya sah, pemindahannya ke dalam literatur Syiah boleh membawa konteks baharu yang memanipulasi makna asal atau menghubungkannya dengan doktrin imamah yang tidak diiktiraf dalam disiplin hadis Ahli Sunnah. Justeru, pembaca tidak boleh menerima sesuatu hadis hanya kerana nama kitab sunni disebut, tetapi perlu merujuk semula kepada sumber asal dalam kitab hadis muktabar untuk memastikan status, konteks dan tafsirannya tidak berubah.

Hadis 2:

أربع من كن فيه فهو منافق خالصا، وان كانت واحدة منهن كانت فيه خصلة من النفاق حتى يدعها: من إذا حدث كذب، وإذا وعدا خلف، وإذا عاهد غدر، وإذا خاصم فجر.

Terjemahan: Empat perkara yang menjadi tanda kemunafikan. Dan jika salah satunya ada pada seseorang maka dia telah menyandang sebahagian tanda tersebut sehingga ia meninggalkannya. Iaitu, jika ia berbicara ia berbohong, jika berjanji ia mengingkari, jika bekerjasama akan menipu, dan jika bermusuhan akan menganiaya.

Dalam kitab Sahih Muslim, sabda baginda SAW:

عن عبد الله بن عمرو أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: أربع من كن فيه كان منافقا خالصا، ومن كانت فيه خصلة منهن كانت فيه خصلة من النفاق حتى يدعها: إذا أؤتمن خان، وإذا حدث كذب، وإذا عاهد غدر، وإذا خاصم فجر.

Terjemahan: "Ada empat perkara jika sesiapa yang mempunyai empat perkara tersebut, maka dia merupakan orang munafik. Sesiapa yang bersifat dengan salah satu daripadanya bererti dia bersifat kemunafikan, sehinggalah dia meninggalkannya iaitu apabila bercakap dia berbohong, apabila membuat persetujuan dia mengkhianati, apabila berjanji dia menyalahi dan apabila berlaku pertikaian dia melampaui batas".

Hadis 3:

بئس العبد عبد يكون ذا وجهين وذا لسانين، يطري أخاه شاهدا ويأكله غائبا، إن أعطي حسده، وإن ابتلي خذله

Terjemahan: Seburuk-buruk hamba iaitu yang mempunyai dua wajah dan dua lisan. Jika dia di hadapan temannya dia memujinya dan jika dibelakangnya dia akan mangangjingnya. Jika temanmu diberi sesuatu dia merasa hasad dan jika temannya diuji dengan musibah dia membiarkannya (tidak menolongnya).

Dalam Sahih Muslim, terdapat hadis yang dijelaskan lafaznya seperti berikut:

عن أبي هريرة، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم، قال: إن من شر الناس، ذا الوجهين، الذي يأتي هؤلاء بوجه،
وهؤلاء بوجه

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Seburuk-buruk manusia adalah orang yang bermuka dua, dia datang ke sesetengah kelompok dengan suatu wajah atau sikap dan dia datang ke kelompok yang lain dengan wajah atau sikap yang lain".

5.0 Kesimpulan

Artikel Metodologi Hadis Syiah: Analisis Kitab “560 Hadis dari 14 Manusia Suci” menyorot secara kritis penyelewengan epistemologi hadis Syiah melalui kajian terhadap sebuah buku popular yang tersebar secara digital, 560 Hadis dari 14 Manusia Suci. Buku tersebut menghimpunkan riwayat berdasarkan konsep hadis menurut Syiah, iaitu sesuatu yang datang daripada “yang maksum” bukan hanya Nabi SAW, tetapi juga imam-imam dua belas yang dianggap memiliki otoriti setara kenabian. Hal ini bertentangan dengan epistemologi Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah yang meletakkan Nabi SAW sebagai satu-satunya sumber hadis, diikuti sahabat dan tabi‘in yang terbukti integritinya melalui disiplin sanad dan jarh wa ta‘dil.

Berdasarkan analisis terhadap tiga contoh hadis yang dibincangkan dalam kajian ini, jelas bahawa riwayat yang dipetik dalam kitab Syiah tidak mempunyai sanad yang bersambung kepada Nabi SAW. Walaupun sebahagiannya kelihatan mirip dari segi maksud dengan hadis-hadis dalam *kutub al-sittah*, persamaan makna tersebut tidak mencukupi untuk menjadikannya sahih menurut neraca Ahli Sunnah, kerana riwayat tersebut tidak mempunyai sanad yang sahih dan tidak direkodkan dalam mana-mana kitab hadis muktabar. Penemuan ini memperlihatkan bahawa disiplin sanad memainkan peranan penting dalam mempertahankan kesucian hadis daripada penyelewengan, sedangkan dalam tradisi Syiah, konsep kemaksuman imam menghalang proses kritik sanad secara ilmiah.

Apa yang lebih membimbangkan ialah majoriti pembaca termasuk penganut Sunni tidak menyedari bahawa buku tersebut disusun berdasarkan doktrin Syiah. Hal ini menjadikan karya tersebut berpotensi dipercayai sebagai rujukan agama yang sahih, lebih-lebih lagi apabila ia diterbitkan dalam bahasa Indonesia, dipasarkan melalui ‘Play Store’, ‘Shopee’ dan medium komersial lain tanpa penjelasan mazhab asalnya. Penyebarannya di Nusantara menjadikannya lebih berbahaya kepada masyarakat awam yang mencari panduan agama secara bebas tanpa asas ilmu. Dengan itu, buku tersebut bukan sekadar himpunan hadis, tetapi medium penyusupan pemikiran Syiah yang mampu membentuk akidah paralel melalui riwayat palsu, khususnya dalam hal kemaksuman imam, syafaat eksklusif, serta kedudukan imam sebagai sumber wahyu baharu.

Oleh itu, masyarakat perlu diperkasa dengan pengetahuan asas ilmu riwayat dan dirayah agar tidak menerima setiap teks agama secara semberono. Dalam dunia digital tanpa sempadan, sebarang penulisan yang kelihatan baik dan bernada nasihat mudah diterima tanpa penelitian, maka prinsip “semak sebelum sebar” perlu dijadikan amalan. Para sarjana dan

ilmuan dituntut untuk sentiasa proaktif memberikan panduan ilmiah berasaskan tradisi ilmu Rasulullah SAW agar masyarakat berada dalam lingkungan kefahaman Islam yang sahih dan tidak terperangkap dalam penyimpangan tanpa sedar. Justeru, usaha penilaian, takhrij dan penyaringan ilmiah seperti kajian ini amat penting dalam memelihara kesucian hadis dan memelihara akidah umat Islam daripada pengaruh yang tidak berautoriti.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim, Al-Quran Tajwid dan Terjemahan, Humaira Publication Sdn Bhd.
- Ahmad, Imam Ahmad bin Hanbal. (2001). Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal. Muassasah Ar-Risalah. Cet. 1.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (1993). Al-Jami' Al-Musnad As-Sahih Al-Mukhtasar min Umuri Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi. Tahqiq: Dr. Mustafa Dib Al-Bugha. Damsyiq: Dar Ibnu Kathir Dar Al-Yamamah. Cet.5.
- Al-Khair Aabadi, Muhammad Abullaith. (2011). Ulum Al-Hadis Asiluha wa Ma'asiruha. Malaysia: Dar As-Syakir.
- Al-Kulaini. (1365). Al-Kafi. Iran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah. Cet. 4.
- Al-Muslim, Muslim Bin Al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisaburi. (1991). Sahih Muslim. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiah al-Babi al- Halabi.
- Al-Muzhaffar, Muhammad Ridha. (1370H). Aqaid al-Imamiyyah. Iraq: An-Najf Al-Ashraf. Cet. 1.
- Assyahid Atthani. (1408H). Arri'ayah fi Ilmi Addirayah. Qum: Al-Muqaddasah Maktabah Ayatullah Al-'Uzma. Cet 2.
- Itr, Nuruddin. (1979). Manhaj Annaqd fi Ulum Al-Hadis, Dimasyq: Dar Al-Fikr. Cet.2.
- Kamus Besar Arab Melayu Dewan, Cetakan Pertama, 2006, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mas' od, M. A., & Hamat, M. F. (2019). Pemikiran Skeptikal Syiah Terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Karya-Karya Syiah Melayu: Satu Kritikan: Shi 'ite's Sceptical View Towards Ahl al-Sunnah wa al-Jama 'ah in Malay Shi 'ite Works: A Critic. Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam, 21(1), 1-52.
- Mokhtar, M. F. (2016). Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) dan Kritiknya Terhadap Pemikiran Akidah Syiah. University of Malaya (Malaysia).
- Salim, A., & Ahmad, J. (2017). Hadits dan Ilmu Hadits dalam Perspektif Ahlus Sunnah dan Syiah.